

'Tak perlu bergantung hasil kasino'

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tiada keperluan untuk Malaysia bergantung kepada hasil kasino bagi membantu meningkatkan pendapatan negara.

Perdana Menteri berkata, ini kerana penumpuan negara dalam bidang seperti transformasi digital, pemindahan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) sudah mencukupi untuk mencapai matlamat itu.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada pentadbiran Kerajaan MADANI akan menerima kewujudan kasino kedua atau menolaknya ketika slot khas *In Conversation With the Prime Minister of Malaysia* sempena Forum Ekonomi Doha (DEF) 2024 di sini, semalam.

Sesi itu dikendalikan Ketua Koresponden Antarabangsa Asia Tenggara Bloomberg Television, Haslinda Amin sebagai moderator.

Sebelum ini, Anwar menafikan kerajaan mempunyai sebarang perancangan bagi membuka kasino di Forest City, Johor.

Ia susulan laporan media antarabangsa, Bloomberg *yang menyatakan Anwar mengadakan pertemuan bersama Tan Sri Vincent Tan dan Tan Sri Lim Kok Thay dari Kumpulan Genting pada untuk membincangkan perkara itu.*

“Tidak benar, tidak benar. Lesen kasino... Itu satu pembohongan,” katanya yang juga Menteri Kewangan pada majlis Madani Muhibbah Aidilfitri di Pu-

trajaya pada Khamis.

Ditanya mengenai dakwaan berlakunya siasatan dan pendakwaan terpilih termasuk ke atas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Anwar berkata, semua siasatan dan pendakwaan dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dibuat secara telus dan ikut proses selaku badan bebas.

Mengenai kes Dr Mahathir, beliau berkata, siasatan termasuk terhadap anak bekas Perdana Menteri itu berikutan milikan harta yang perlu mereka jelaskan.

“Saya rasa mereka sudah diberikan layanan cukup baik (dalam siasatan), diberi lanjutan masa untuk serahkan dokumen diminta SPRM,” katanya.